# Pendakwa Raya lwn Thevesh a/l Sashikumar dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH JA-41S-2–01 TAHUN 2019
SHAHNAZ SULAIMAN PK
20 JULAI 2020

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Rayuan atas hukuman bon berkelakuan baik terhadap responden-responden atas kesalahan di bawah s 324 Kanun Keseksaan — Sama ada majistret terkhilaf apabila gagal memberikan hukuman tidak setimpal dengan keseriusan kesalahan di bawah s 324 Kanun Keseksaan — Sama ada majistret terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila tidak mengambil kira faktor kepentingan awam apabila menjatuhkan hukuman kepada responden — Sama ada notis rayuan perayu perlu ditolak — Kanun Keseksaan s 324 — Akta Kanak-Kanak 2001 s 91(1)(d) — Kanun Tatacara Jenayah s 307*

Ini merupakan satu rayuan yang difailkan oleh perayu terhadap keputusan majistret yang telah menjatuhkan hukuman terhadap kedua-dua responden yang telah melakukan satu kesalahan di bawah s 324 Kanun Keseksaan. Responden pertama telah dikenakan hukuman bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM1,000 serta ibubapa atau penjaga responden pertama hendaklah menemani responden pertama melapor diri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat sebulan sekali dalam tempoh masa tiga tahun bagi menghadiri Bengkel Interaktif yang dianjurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Responden kedua dikenakan hukuman menyempurnakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM1,000. Pada 24 Oktober 2018 jam lebih kurang 12 malam ketika pengadu sedang menunggang motosikal di kawasan Taman Saga Kulai, pengadu telah ditahan oleh tiga lelaki yang disyaki berbangsa India yang tidak dikenali. Salah seorang daripada mereka telah mengacukan parang kepada pengadu dan meminta wang serta telefon bimbit milik pengadu. Pengadu enggan memberikan barang berharga miliknya. Salah seorang daripada suspek kemudian telah menetak pengadu menggunakan parang. Pengadu sempat mengelak dan telah terkena di bahagian hidung dan tangan. Kesemua suspek kemudiannya melarikan diri dan pengadu telah pergi ke balai polis membuat laporan polis. Hasil siasatan yang dijalankan mendapati responden pertama adalah kanak-kanak dan responden kedua adalah pesalah muda. Responden pertama dalam kes tidak diwakili peguam dan ditemani oleh ibunya. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penasihat-penasihat telah mengesyorkan denda di bawah perenggan 91(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kanak-kanak diarah untuk membayar denda. Timbalan pendakwa raya bagi pihak perayu berhujah bahawa majistret telah terkhilaf apabila gagal memberikan hukuman yang

tidak setimpal dengan keseriusan kesalahan di bawah s 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga sepuluh tahun atau dengan denda atau dengan sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu. Perayu berhujah bahawa hukuman tersebut adalah sangat rendah dan tidak menggambarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh kedua responden. Perayu juga berhujah bahawa mangsa merupakan seorang warganegara asing yang mana hukuman yang dijatuhkan oleh majistret tidak langsung menggambarkan bahawa sistem kehakiman Malaysia memandang serius jenayah terhadap seseorang bukan warganegara Malaysia. Perayu juga menyatakan bahawa majistret telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila tidak mengambil kira faktor kepentingan awam apabila menjatuhkan hukuman kepada kedua-dua responden. Peguam responden pertama membangkitkan isu awalan berhubung notis rayuan yang telah difailkan oleh pihak perayu dengan menyatakan bahawa notis rayuan pihak perayu menggunapakai perkataan 'keputusan' sedangkan s 307 Kanun Tatacara Jenayah menyebut '... penghakiman, hukuman atau perintah ...'. Peguam respoden pertama berhujah bahawa rayuan pihak perayu seharusnya dibatalkan.

**Diputuskan**, membenarkan sebahagian rayuan:

(1) Berdasarkan notis rayuan yang telah difailkan oleh pihak perayu, jelas ianya adalah berkaitan hukuman yang telah dikenakan oleh majistret. Mahkamah mendapati tidak timbul isu notis rayuan tidak menepati s 307 Kanun Tatacara Jenayah. Isu awalan yang dibangkitkan oleh peguam responden pertama adalah tidak bermerit dan ditolak (lihat perenggan 49).

(2) Bagi hukuman yang dikenakan pada responden pertama, berdasarkan peruntukan s 91(1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan kes *Teo Siew Peng & 4 Ors v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 125, mahkamah berpandangan bahawa majistret berhasrat memastikan kepentingan awam adalah terpelihara. Kepentingan awam akan tercapai sekiranya responden pertama dapat menjadi seorang warganegara yang baik dan berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Dengan cara itu, kepentingan awam dapat dipelihara. Mahkamah berpandangan bahawa hukuman yang dikenakan oleh majistret akan dapat mencapai objektif untuk menjadikan responden pertama seorang yang baik dan berguna. Ini adalah penting bagi maksud kepentingan awam (lihat perenggan 71–72).

(3) Majistret tidak mempertimbangkan prinsip hukuman seperti kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman terhadap responden kedua. Mahkamah berpandangan bahawa menjatuhkan hukuman, kepentingan awam serta kepentingan kedua-dua responden perlu diimbangi. Bagi memastikan kedua-dua responden tidak lagi melakukan

jenayah dan telah berubah, hukuman yang menimbang latar belakang mereka perlu diambil kira (lihat perenggan 77, 79 & 82).

**[English summary**

This was an appeal filed by the appellant against the decision of the magistrate that convicted and sentenced both respondents who committed an offense under s 324 of the Penal Code. The first respondent has been sentenced to three years of good behavior bond with a security of RM1,000 and the parents or guardians of the first respondent must accompany the first respondent to report to the Department of Social Welfare once a month for a period of three years to attend the Interactive Workshop organized by the Department of Social Welfare. The second respondent was sentenced to complete a good behavior bond for three years with a security of RM1,000. On 24 October 2018 at approximately 12pm while the complainant was riding a motorcycle in the Taman Saga Kulai area, the complainant was stopped by three unknown men suspected to be of Indian descent. One of them pointed a machete at the complainant and demanded money and a mobile phone belonging to the complainant. The complainant refused to give his valuables. One of the suspects later stabbed the complainant with a machete. The complainant managed to dodge and was hit in the nose and hands. All the suspects then fled and the complainant went to the police station to lodge a police report. Based on the investigation, it was found that the first respondent was a child and the second respondent was a young offender. The first respondent in the case was not represented by a lawyer and was accompanied by his mother. The Department of Social Welfare and advisors have recommended fines under s 91(1)(d) of the Child Act 2001 of which children were required to pay fines. The deputy public prosecutor on behalf of the appellant argued that the magistrate had erred in failing to give a sentence incommensurate with the seriousness of the offense under s 324 of the Penal Code which provided for imprisonment for up to ten years or with a fine or with whipping or with any two of the sentences. The appellant argued that the sentence was very low and did not reflect the seriousness of the offense committed by both respondents. The appellant also argued that the victim was a foreign national whose sentence was handed down by a magistrate directly reflecting that the Malaysian judicial system took the crime against a non-Malaysian citizen seriously. The appellant also stated that the magistrate had erred under the law and fact when not taking into account the factors of public interest when giving sentences to the two respondents. The counsel for the first respondent raised the preliminary issue regarding the notice of appeal which was filed by the appellant stating that the notice of appeal of the appellant used the word 'decision' whereas s 307 of the Criminal Procedure Code states '... judgment, sentence or order ...'. The first respondent's counsel argued that the appeal should be dismissed.

**Held**, allowing part of the appeal:

(1) Based on the notice of appeal that was filed by the appellant, it was clear that it related to the sentence imposed by the magistrate. The court found that the issue of the notice of appeal did not comply with s 307 of the Criminal Procedure Code. The preliminary issue raised by the first respondent's counsel was without merit and dismissed (see para 49).

(2) For the sentence imposed on the first respondent, based on the provisions of s 91(1) of the Child Act 2001 and the case of *Teo Siew Peng & 4 Ors v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 125, the court was of the view that the magistrate intended to ensure the public interest was protected. Public interest will be achieved if the first respondent could be a good citizen and useful to the family, community and country. That way, public interest can be preserved. The court was of the view that the sentence imposed by the magistrate will be able to achieve the objective of making the first respondent a good and useful citizen. This is important for the purpose of public interest (see paras 71–72).

(3) The magistrate did not take into account the principle of punishment such as the public interest in passing sentence on a second respondent. The court is of the view that in imposing a sentence, the public interest as well as the interests of both respondents should be balanced. To ensure that both respondents no longer commit crimes and have changed, penalties that weighed their background should be taken into consideration (see paras 77, 79 & 82).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Badri bin Abas, Re* [1971] 1 MLJ 202 (dirujuk)
*Bhandulananda Jayatilake v PP* [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
*Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP* [2002] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)
*Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21 (dirujuk)
*Liow Chor Yong (b/p Juvana Liow Cheak Siang) dan satu lagi lwn Pendakwa Raya* [1996] MLJU 352; [1996] 1 LNS 194, MT (dirujuk)
*Nor Afizal bin Azizan v PP* [2012] 6 MLJ 171; [2012] 6 CLJ 370; [2012] 5 MLRA 20, MR (dirujuk)
*PP v Ehsan bin Mohd Rani* [2019] 10 MLJ 580; [2019] 6 CLJ 547, MT (dirujuk)
*PP v Hidayatul Akmal bin Azman* [2020] 7 MLJ 447; [2020] 1 CLJ 562, MT (dirujuk)
*PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 (diikut)
*PP v Mohamad Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200b, MA (dirujuk)
*PP v Sulaiman Ahmad* [1993] 1 MLJ 74; [1992] 3 CLJ Rep 447, MT (dirujuk)
*R v Ball* [1951] 35 Cr App Rep 164 (dirujuk)
*Sau Soo Kim v PP* [1975] 2 MLJ 134, MP (dirujuk)
*Sheo Swarup v King Emperor* AIR [1934] PC 227 (dirujuk)

A *Tee Lee Yang v Pendakwa Raya* [2018] 12 MLJ 539; [2018] 5 CLJ 766, MT (dirujuk)
*Teo Siew Peng & 4 Ors v PP* [1985] 2 MLJ 125; [1984] 1 LNS 71 (diikut)
*Yusmarin bin Samsudin v PP* [1999] 4 MLJ 625; [1999] 1 MLRA 477, MR (diikut)
B *Zaidon bin Shariff v PP* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441, HC (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kanak-Kanak 2001 ss 2, 11(1), (2), 91, (1), (1)(b), (1)(d), 93(1)(b)
Kanun Keseksaan ss 34, 52B, 324
C Kanun Tatacara Jenayah ss 2(1), 293, 294, 307, 316, 323, 324, 325, 326, 327

*Suraini Ujang (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak perayu.*
D *Bustaman Menon bin Abdul Hamid Menon (RK Menon & Co) bagi pihak responden pertama.*
*Baharudin bin Baharim bagi pihak responden kedua.*

E **Shahnaz Sulaiman PK:**

**[1]** Ini merupakan satu rayuan yang difailkan oleh perayu terhadap keputusan Tuan Majistret yang bijaksana yang telah menjatuhkan hukuman terhadap kedua-dua responden yang telah melakukan satu kesalahan di bawah
F s 324 Kanun Keseksaan. Tuan Majistret yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman terhadap responden pertama dengan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM1,000 serta ibubapa atau penjaga responden pertama hendaklah menemani responden pertama melapor diri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat sebulan sekali dalam tempoh masa tiga tahun
G bagi menghadiri Bengkel Interaktif yang dianjurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi responden kedua Tuan Majistret yang bijaksana telah mengenakan hukuman menyempurnakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM1,000.

H **[2]** Responden-responden telah dipertuduhkan di Mahkamah Majistret Kulai dengan pertuduhan:

> Bahawa kamu bersama-sama seorang rakan yang masih bebas pada 24/10/2018 jam lebih kurang 1200hrs bertempat di kawasan Taman Saga di dalam daerah Kulai, di dalam negeri Johor telah dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap Asghar
I Shah No PPT: LW5141753 dengan menggunakan senjata parang. Oleh yang demikian, kamu bersama-sama telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 324 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.
>
> Hukuman bagi seksyen ini hendaklah dipenjara selama tempoh yang boleh sampai

10 tahun atau dengan denda atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.

FAKTA KES

**[3]** Pada 24 Oktober 2018 jam lebih kurang 12 malam ketika pengadu sedang menunggang motosikal di kawasan Taman Saga Kulai, pengadu telah ditahan oleh tiga lelaki yang disyaki berbangsa India yang tidak dikenali. Salah seorang daripada mereka telah mengacukan parang kepada pengadu dan meminta wang serta telefon bimbit milik pengadu. Pengadu enggan memberikan barang berharga miliknya.

**[4]** Salah seorang daripada suspek kemudian telah menetak pengadu menggunakan parang. Pengadu sempat mengelak dan telah terkena di bahagian hidung dan tangan. Kesemua suspek kemudiannya melarikan diri dan pengadu telah pergi ke balai polis membuat laporan polis sebagaimana report KULAI 15588/2018.

**[5]** Hasil siasatan yang dijalankan mendapati responden pertama adalah kanak-kanak dan responden kedua adalah pesalah muda.

**[6]** Responden pertama dalam kes tidak diwakili peguam dan ditemani oleh ibunya. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penasihat-penasihat telah mengesyorkan denda di bawah perenggan 91(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kanak-kanak diarah untuk membayar denda.

**[7]** Kes ini adalah merupakan satu kes di mana responden pertama merupakan kanak-kanak dan responden kedua merupakan pesalah muda telah dituduh di bawah s 324 Kanun Keseksaan. Kedua-dua responden dalam kes ini telah mengaku salah di mana Tuan Majistret yang bijaksana telah memerintahkan responden pertama menyempurnakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000 serta ibubapa atau penjaga bersama kanak-kanak melapor diri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dan menghadiri Bengkel Interaktif. Bagi responden kedua Tuan Majistret yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman menyempurnakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000. Timbalan pendakwa raya merayu atas hukuman yang telah dijatuhkan.

HUJAHAN PERAYU

**[8]** Timbalan pendakwa raya bagi pihak perayu, Puan Suraini Ujang berhujah bahawa Tuan Majistret yang bijaksana telah terkhilaf apabila gagal memberikan hukuman yang tidak setimpal dengan keseriusan kesalahan di bawah s 324 Kanun Keseksaan.

**[9]** Puan Suraini berhujah bahawa s 324 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga sepuluh tahun atau dengan denda atau dengan sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu. Ini menunjukkan kesalahan ini adalah satu kesalahan yang serius. Namun di dalam kes ini, responden-responden hanya dikenakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran.

**[10]** Sehubungan itu, timbalan pendakwa raya terpelajar telah berhujah bahawa hukuman yang dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana adalah sangat rendah dan tidak menggambarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh kedua responden.

**[11]** Seterusnya, Puan Suraini telah menarik perhatian mahkamah ini terhadap modus operandi responden-responden ketika kejadian.

**[12]** Pihak perayu berhujah bahawa, tindakan yang dilakukan oleh responden-responden ini adalah tindakan yang menjangkaui pemikiran sebagai seorang kanak-kanak dan orang yang masih muda. Ini jelas menunjukkan bahawa satu perintah berbentuk pengajaran dan pencegahan sepatutnya diberikan kepada responden-responden. Ia juga bukan sahaja untuk mencegah daripada responden-responden mengulangi kesalahan yang sama bahkan untuk mencegah individu lain terutamanya orang yang masih muda daripada tersalah langkah sepertimana yang dilakukan oleh responden-responden. Selanjutnya perintah yang setimpal dengan kesalahan juga seharusnya diberikan sebagai pengajaran supaya responden-responden menyedari akan kesalahan yang dilakukan dan tidak akan melakukan perkara yang sama.

**[13]** Selain itu, Puan Suraini juga berhujah bahawa mangsa merupakan seorang warganegara asing yang mana hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Majistret yang bijaksana tidak langsung menggambarkan bahawa sistem kehakiman Malaysia memandang serius jenayah terhadap seseorang bukan warganegara Malaysia.

**[14]** Timbalan pendakwa raya terpelajar juga menyatakan bahawa Tuan Majistret yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau tidak mengambil kira faktor kepentingan awam apabila menjatuhkan hukuman kepada kedua responden. Rujukan telah dibuat kepada kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 dan kes *R v Ball* [1951] 35 Cr App Rep 164.

**[15]** Selanjutnya, pihak perayu menyatakan pihak perayu tidak bersetuju dengan dapatan Tuan Majistret yang bijaksana bahawa untuk menghantar responden ke Sekolah Henry Gurney adalah terlalu berat untuk kanak-kanak

dan bahawa kanak-kanak haruslah diberi ruang dan peluang agar menjadi orang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Rujukan telah dibuat kepada kes *Liow Chor Yong (b/p Juvana Liow Cheak Siang) dan satu lagi lwn Pendakwa Raya* [1996] MLJU 352; [1996] 1 LNS 194.

**[16]** Puan Suraini seterusnya berhujah bahawa memandangkan kesalahan yang dilakukan oleh responden-responden di dalam kes ini adalah suatu kesalahan serius, perintah yang diputuskan oleh Tuan Majistret yang bijaksana dalam kes ini boleh dikatakan terlalu ringan atau *manifestly inadequate*. Pihak perayu merujuk kepada kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193.

**[17]** Akhir sekali, pihak perayu berhujah bahawa hukuman yang dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana adalah tidak memadai dan pihak perayu memohon agar perintah berbentuk deteren diberikan terhadap responden-responden selaras dengan hukuman di bawah s 324 Kanun Keseksaan dan mengambil kira s 91 Akta Kanak-Kanak 2001 dan s 293 Kanun Tatacara Jenayah.

HUJAHAN RESPONDEN PERTAMA

**[18]** Encik Bustaman Menon bagi pihak responden pertama membangkitkan isu bahawa notis rayuan yang difailkan oleh pihak perayu adalah cacat kerana menyatakan bahawa rayuan adalah '... terhadap keputusan di mana responden pertama ... ' manakala s 307 Kanun Tatacara Jenayah memeperuntukkan rayuan terhadap '... penghakiman hukuman atau perintah ... '. Sehubungan itu, Encik Bustaman berhujah bahawa notis rayuan yang difailkan adalah cacat dan seharusnya dibatalkan.

**[19]** Pihak responden pertama berhujah bahawa pada masa kejadian, responden pertama berumur 17 tahun satu bulan. Sehubungan itu, bagi tujuan kesalahan tersebut, responden pertama telah diklasifikasikan sebagai kanak-kanak menurut Akta Kanak-Kanak 2001.

**[20]** Encik Bustaman seterusnya berhujah bahawa kedua-dua responden telah mengaku bersalah dan dikenakan hukuman. Responden pertama tidak diwakili memandangkan beliau datang dari keluarga yang miskin dalam kategori B40. Selanjutnya, peguam bagi pihak responden pertama berhujah bahawa responden pertama tidak menyelesaikan persekolahan tahun enam.

**[21]** Pihak responden pertama juga berhujah bahawa pengaruh responden kedua telah mengakibatkan responden pertama terlibat dalam kesalahan tersebut.

A **[22]** Encik Bustaman juga menyatakan bahawa Pegawai Akhlak dalam penilaiannya telah mendapati bahawa responden pertama menyesal terhadap perbuatannya. Beliau juga malu terhadap perbuatannya yang telah menyusahkan ibunya.

B **[23]** Berhubung hukuman yang telah dijatuhkan oleh Tuan Majistret yang bijaksana, Encik Bustaman berhujah bahawa Tuan Majistret telah bersidang sebagai mahkamah kanak-kanak bersama dua orang penasihat selaras dengan sub-s 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001. Rujukan dibuat kepada kes *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 dan kes *Zaidon bin Shariff v Public*
C *Prosecutor* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441.

**[24]** Selanjutnya, pihak responden berhujah bahawa Tuan Majistret yang bijaksana telah mengambil kira saranan pegawai kebajikan dan dua orang
D penasihat untuk mengenakan denda terhadap responden pertama.

**[25]** Encik Bustaman juga berhujah berkenaan *appellate interference unwarranted*. Bagi maksud tersebut beliau telah merujuk kepada kes *Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21, *Public Prosecutor v Mohamad Nor &*
E *Ors* [1985] 2 MLJ 200b dan *Public Prosecutor v Ehsan bin Mohd Rani* [2019] 10 MLJ 580; [2019] 6 CLJ 547.

**[26]** Encik Bustaman menyatakan bahawa hukuman yang dikenakan terhadap responden pertama adalah memadai. Beliau telah merujuk kepada
F kes *Re Badri bin Abas* [1971] 1 MLJ 202. Seterusnya pihak responden pertama berhujah bahawa menghantar responden pertama ke Sekolah Henry Gurney tidak disarankan oleh kedua orang penasihat. Tuan Majistret yang bijaksana jua berpandangan sedemikian. Rujukan dibuat kepada kes *Nor Afizal bin Azizan v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 171; [2012] 6 CLJ 370; [2012]
G 5 MLRA 20.

**[27]** Pihak responden pertama juga merujuk kepada Akta Kanak-Kanak 2001 dan berhujah bahawa tujuan Akta tersebut adalah bagi maksud
H rehabilitasi kanak-kanak. Sehubungan itu, responden pertama berhujah bahawa Tuan Majistret yang bijaksana tidak terkhilaf bila mana menimbang kepentingan awam serta prinsip rehabilitasi apabila menghukum responden pertama.

I **[28]** Selanjutnya, Encik Bustaman berhujah bahawa semasa kes didengar di mahkamah majistret, terdapatnya kekurangan keterangan untuk mensabitkan responden pertama. Laporan kesihatan (*medical report*) tidak dikemukakan di mahkamah dan barang kes yakni parang juga tidak dikemukakan di mahkamah.

**[29]** Sehubungan itu, peguam responden pertama telah menggesa mahkamah ini untuk menggunakan kuasa semakan (*revisionary powers*) berdasarkan ss 323–327 Kanun Tatacara Jenayah. Rujukan dibuat kepada kes *Tee Lee Yang v Pendakwa Raya* [2018] 12 MLJ 539; [2018] 5 CLJ 766. Akhir sekali, Encik Bustaman memohon mahkamah untuk mengenepikan sabitan dan hukuman terhadap responden pertama.

HUJAHAN RESPONDEN KEDUA

**[30]** Peguam bagi pihak responden kedua, Encik Baharuddin menyatakan bahawa beliau mengguna pakai hujahan peguam responden pertama.

**[31]** Selanjutnya, pihak responden kedua berhujah bahawa Tuan Majistret yang bijaksana telah pun mengambil kira peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanak-Kanak 2001 semasa menjatuhkan hukuman. Rujukan dibuat kepada s 293 Kanun Tatacara Jenayah yang membenarkan penggunaan Akta Kanak-Kanak 2001. Sehubungan itu, Encik Baharuddin meminta mahkamah untuk mengekalkan hukuman yang dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana yakni bon kelakuan baik selama tiga tahun.

**[32]** Peguam responden kedua berhujah walaupun responden kedua merupakan pesalah muda (*youthful offender*) namun perbezaan umur adalah tidak ketara oleh kerana responden kedua berumur 18 tahun sepuluh bulan semasa kejadian. Oleh itu, beliau berhujah adalah tidak salah mahkamah mengenakan hukuman yang sama dengan responden pertama oleh kerana terpakainya niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan.

**[33]** Encik Baharuddin merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Hidayatul Akmal bin Azman* [2020] 7 MLJ 447; [2020] 1 CLJ 562 yang mana mahkamah telah mengekalkan hukuman majistret dan berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan akan menjadikan pesalah muda *harden criminal*. Oleh yang demikian, peguam responden kedua menggesa mahkamah ini untuk mengekalkan hukuman yang dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana memandangkan rehabilitasi adalah lebih sesuai.

PRINSIP BERHUBUNG RAYUAN

**[34]** Berhubung rayuan dari mahkamah rendah, s 316 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> s 316 Decision on appeal
>
> At the hearing of the appeal the Judge may, if he considers there is no sufficient ground for interfering, dismiss the appeal, or may —

(a) in an appeal from an order of acquittal, reverse the order, and direct that further inquiry be made, or that the accused be re-tried as the case may be, or find him guilty and pass sentence on him according to law;

(b) in an appeal from a conviction or in an appeal as to sentence —

(i) reverse the finding and sentence and acquit or discharge the accused, or order him to be re-tried; or

(ii) alter the finding, maintaining the sentence, or with or without altering the finding reduce or enhance the sentence or alter the nature of the sentence;

(c) in an appeal from any other order, alter or reverse such order.

**[35]** Lord Russell dalam kes *Sheo Swarup v King Emperor* AIR [1934] PC 227 telah menyatakan perkara-perkara yang perlu sesuatu mahkamah mempertimbangkan sebelum sesuatu mahkamah campur tangan dengan dapatan fakta. Lord Russell menyatakan:

... the High Court should and will always give proper weight and consideration to such matters as: (1) the views of the trial Judge as to the credibility of the witness; (2) the presumption of innocence in favour of the accused, a presumption is certainly not weaken by the fact that he has been acquitted at his trail; (3) the right of the accused to the benefit of any doubt; and (4) the slowness of an appellate court in disturbing a finding of fact arrived by a Judge who had the advantage of seeing the witnesses. *To state this however is only to say that the High Court in its conduct of the appeal should and will act in accordance with rules and principles well known and recognized in the administration of justice*. (Penekanan ditambah.)

**[36]** Sehubungan itu, berdasarkan kes-kes tersebut di atas, seseorang hakim yang mendengar rayuan hendaklah memastikan prinsip dan undang-undang bagi maksud mencapai keadilan.

## PRINSIP BERHUBUNG HUKUMAN

**[37]** Seseorang hakim diberi budi bicara yang luas dalam menetapkan hukuman. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 telah menetapkan prinsip tersebut seperti berikut:

As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had to occasion to say elsewhere, *that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred*. That is quite inevitable. Human nature being what it is, *different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometime reach different conclusions* (see *Jamieson v Jamieson* [1952] AC 525 at 549).

*It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to view the same crime with leniency. Therefore, sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge*. It is for this reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

*For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorized or extraneous or irrelevant exercise of discretion*. (Penekanan ditambah.)

**[38]** Berkenaan fungsi mahkamah dalam mendengar rayuan terhadap hukuman, kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 menetapkan prinsip seperti berikut:

In respect of sentencing there can be only general guidelines. No two cases can have exactly the same facts to the minutest detail. Facts do differ from each case to case and ultimately each case has to be decided on its own merits. In practice sentences do differ not only from case to case but also from court to court. All things being equal these variations are inevitable if only because of the human element involved. But, of course, there must be limits to permissible variations.

The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. *The High Court sitting in exercise of its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly inadequate or grossly excessive or to all the facts which the court ought to take judicial notice of, that it is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is afirmly established practice that the court will not alter a sentence merely because it might have passed a different sentence.* (Penekanan ditambah.)

**[39]** Sehubungan itu, mahkamah tidak akan sewenang-wenangnya mengubah hukuman yang telah dijatuhkan hanya kerana mahkamah tersebut mungkin menjatuhkan hukuman yang berbeza. Dalam erti kata lain, apa-apa hukuman yang hendak diubah perlulah berlandaskan prinsip dan undang-undang.

ANALISA DAN DAPATAN

**[40]** Responden pertama dan responden kedua telah dipertuduhkan di bawah s 324 Kanun Keseksaan. Seksyen 324 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

s 324 Voluntarily causing hurt by dangerous weapons or means

Whoever, except in the case provided for by section 334, voluntarily causes hurt by means of any instrument for shooting, stabbing or cutting, or any instrument which, used as a weapon of offence, is likely to cause death, or any scheduled weapon as specified under the Corrosive and Explosive Substances and Offensive

A Weapons Act 1958, or by means of fire or any heated substance, or by means of any poison or any corrosive substance, or by means of any explosive substance, or by means of any substance which it is deleterious to the human body to inhale, to swallow, or to receive into the blood, or by means of any animal, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years, or with fine, or with B whipping or with any two of such punishments.

**[41]** Seksyen 324 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga sepuluh tahun atau denda atau dengan sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.

C

**[42]** Dalam kes ini, responden pertama berumur 17 tahun satu bulan 29 hari semasa kejadian manakala responden kedua berumur 18 tahun sepuluh bulan 11 hari semasa kejadian.

D

**[43]** Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 menyatakan:

s 2 Tafsiran

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain ...

E 'kanak-kanak' ...

(a) ertinya seseorang yang *di bawah umur lapan belas tahun*; dan

(b) berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [Akta 574];

F

'kanak-kanak dalam percubaan' ertinya seseorang kanak-kanak yang sedang berada di bawah pengawasan menurut kuasa suatu perintah percubaan; (Penekanan ditambah.)

G **[44]** Berdasarkan takrifan kanak-kanak dalam s 2 Akta Kanak-Kanak 2001, responden pertama yang berumur kurang dari 18 tahun merupakan seorang kanak-kanak bagi maksud Akta Kanak-Kanak 2001.

H **[45]** Responden kedua pula berumur 18 tahun sepuluh bulan 11 hari pada tarikh kejadian. Berdasarkan tafsiran s 2 Akta Kanak-Kanak 2001, responden kedua bukanlah seorang kanak-kanak memandangkan responden kedua telah menjangkau umur lebih 18 tahun semasa kejadian. Namun memandangkan responden kedua berumur di antara 18 tahun dan 21 tahun semasa kejadian, responden kedua adalah seorang pesalah muda. Ini adalah berdasarkan sub-s 2(1) Kanun Tatacara Jenayah yang menyebut:

I

'Pesalah Muda' ertinya seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang boleh dihukum denda atau penjara yang berumur lapan belas (18) tahun atau lebih dan dibawah umur dua puluh satu (21) tahun.

**[46]** Sebelum mahkamah ini menganalisa hujahan pihak perayu dan pihak responden kes ini, mahkamah akan terdahulu membincangkan isu yang dibangkitkan oleh peguam responden pertama, Encik Bustaman. Encik Bustaman telah membangkitkan isu awalan yakni berhubung notis rayuan yang telah difailkan oleh pihak perayu.

**[47]** Pihak responden pertama menyatakan bahawa notis rayuan pihak perayu mengguna pakai perkataan 'keputusan' sedangkan s 307 Kanun Tatacara Jenayah menyebut '... penghakiman, hukuman atau perintah ...'. Sehubungan itu, Encik Bustaman berhujah bahawa rayuan pihak perayu ini seharusnya dibatalkan.

**[48]** Berhubung isu awalan yang dibangkitkan oleh Encik Bustaman, mahkamah ini telah meneliti notis rayuan yang difailkan oleh perayu. Notis rayuan tersebut menyatakan seperti berikut:

> *ADALAH DIBERI NOTIS* bahawa Pendakwa Raya Malaysia, merayu pada Mahkamah Tinggi Johor Bahru terhadap *keputusan di mana Responden Pertama dikenakan hukuman/perintah ibubapa atau penjaga responden pertama menyempurnakan* bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM 1,000.00 serta ibubapa atau penjaga responden pertama hendaklah menemani responden pertama melapor diri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat sebulan sekali dalam tempoh masa tiga tahun dan menghadiri Bengkel Interaktif yang dianjurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat manakala Responden Kedua dikenakan hukuman menyempurnakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM 1,000.00 bagi satu pertuduhan oleh Tuan Majistret Ahmad Farid bin Ahmad Kamal yang diberikan di Mahkamah Majistret Kulai pada 11 Disember 2018.
>
> Seksyen: Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan hukuman di bawah s 324 Akta yang sama. (Penekanan ditambah.)

**[49]** Berdasarkan notis rayuan yang telah difailkan oleh pihak perayu, jelas ianya adalah berkaitan hukuman yang telah dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana. Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati tidak timbul isu notis rayuan tidak menepati s 307 Kanun Tatacara Jenayah. Sehubungan itu, isu awalan yang dibangkitkan oleh peguam responden pertama adalah tidak bermerit dan ditolak.

**[50]** Berhubung rayuan terhadap hukuman yang dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana, Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan penghakiman telah merujuk kepada laporan sosial yang disediakan oleh pegawai kebajikan. Selain itu, Tuan Majistret yang bijaksana telah mengambil perhatian berhubung hukuman berat yang dipohon oleh timbalan pendakwa raya terpelajar sebagai amaran agar kanak-kanak lain tidak terlibat dengan aktiviti jenayah.

**[51]** Tuan Majistret yang bijaksana juga telah membuat pemerhatian terhadap responden pertama dan responden kedua. Kedua-dua responden didapati tidak boleh berbicara dalam bahasa melayu dan kelihatan menyesal atas tindakan yang dilakukan.

**[52]** Tuan Majistret telah mengambil kira laporan sosial yang menyatakan di perenggan 3.1 dan 3.2 bahawa responden pertama mempunyai masalah ponteng sekolah kerana tiada pengangkutan serta masalah kewangan yang teruk akibat keluarga miskin dan bapa yang telah meninggal dunia. Bagi responden kedua, laporan sosial menyatakan beliau juga menghadapi masalah yang sama yakni kesempitan hidup dan bapa yang telah meninggal dunia.

**[53]** Tuan Majistret bijaksana dalam alasan penghakiman beliau telah mendapati ibu responden pertama dan responden kedua gagal untuk menjaga mereka dengan baik oleh kerana faktor kesempitan kewangan dan tanggungan yang banyak.

**[54]** Mahkamah ini mendapati Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan penghakiman telah banyak membuat pemerhatian terhadap kedua-dua responden. Tuan Majistret yang bijaksana juga telah mempertimbangkan laporan sosial yang telah disediakan oleh pegawai kebajikan serta keadaan keluarga kedua-dua responden.

**[55]** Dalam hal ini, Tuan Majistret yang bijaksana mempunyai kelebihan (*advantage*) kerana dapat melihat dan menilai perwatakan (*demeanour*) kedua-dua responden. Sebagai mahkamah yang mendengar rayuan, mahkamah ini tidak berpeluang untuk melihat dan menilai perwatakan kedua-dua responden.

**[56]** Puan Suraini bagi pihak perayu telah berhujah bahawa Tuan Majistret yang bijaksana telah tidak mempertimbangkan kepentingan awam apabila beliau menjatuhkan hukuman terhadap kedua-dua responden. Penelitian alasan penghakiman Tuan Majistret yang bijaksana mendapati tiada pertimbangan berhubung kepentingan awam secara khusus.

**[57]** Dalam kes *Yusmarin bin Samsudin v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 625; [1999] 1 MLRA 477, mahkamah telah menyatakan prinsip hukuman seperti berikut:

> ... the principles of sentencing have long been entrenched and well settle in our criminal law jurisprudence and the court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following consideration:
>
> 1. the extent and seriousness of the offence committed;
> 2. the guilty person's antecedents and

3. the public interest.

**[58]** Berlandaskan kes *Yusmarin Samsudin* tersebut, dalam menjatuhkan hukuman seseorang hakim seharusnya mempertimbangkan keseriusan jenayah yang dilakukan, tindak tanduk pihak yang bersalah serta kepentingan awam. Dalam kes ini, adakah Tuan Majistret yang bijaksana telah mempertimbangkan perkara-perkara tersebut?

**[59]** Bagi keseriusan jenayah, Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan penghakiman beliau tidak mempertimbangkan keseriusan jenayah yang dilakukan oleh kedua-dua responden.

**[60]** Responden pertama dan responden kedua telah dipertuduhkan di bawah s 324 Kanun Keseksaan. Seksyen 324 Kanun Keseksaan tersebut memperuntukkan hukuman penjara sehingga sepuluh tahun atau dengan denda atau dengan sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu. Melihat kepada hukuman yang boleh dikenakan, mahkamah ini berpandangan bahawa jenayah yang dilakukan adalah serius. Ini adalah berdasarkan peruntukan s 52B Kanun Keseksaan.

**[61]** Seksyen 52B Kanun Keseksaan mentafsirkan jenayah serius sebagai:

> s 52B Serious offence
>
> The words 'serious offence' denote an offence punishable with imprisonment for a term of ten years or more.

**[62]** Berhubung tindak tanduk orang yang bersalah (*antecedent of offender*), mahkamah ini mendapati Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan penghakimannya telah mempertimbangkan tingkah laku responden pertama dan responden kedua.

**[63]** Perkara ketiga yang perlu dipertimbangkan dalam prinsip hukuman adalah kepentingan awam. Mahkamah ini mendapati Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan penghakiman beliau tidak menyebut berhubung kepentingan awam secara spesifik. Namun, Tuan Majistret yang bijaksana berpendapat responden pertama haruslah diberi ruang dan peluang agar menjadi orang yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

**[64]** Tuan Majistret yang bijaksana telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Sulaiman Ahmad* [1993] 1 MLJ 74; [1992] 3 CLJ Rep 447 yang menyebut:

> The burden of proving an offence is on the prosecution, and the duty to determine an appropriate sentence is on the court. However, both the prosecution and the defence may assist the court by forwarding submissions pertaining to sentence but

A the final decision and the sentence to be imposed is within the court's sole jurisdiction. Even the plea of guilty of a hardened criminal (as the respondent himself had admitted to be) must be treated as mitigating factor (*Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134; [1975] 1 LNS 158.

B **[65]** Berdasarkan kes tersebut, Tuan Majistret yang bijaksana telah menggunakan budi bicaranya dan menjatuhkan hukuman:

(a) bagi responden pertama bon kelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000 di bawah perenggan 91(1)(b) Akta Kanak-Kanak
C 2001 dan perenggan 93(1)(b) untuk ibubapa menemani responden pertama melapor diri di Jabatan Kebajikan Masyarakat sebulan sekali dan menghadiri Bengkel Interaktif anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

D (b) bagi responden kedua bon kelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000 di bawah s 294 Kanun Tatacara Jenayah.

**[66]** Responden pertama dalam kes ini melibatkan kanak-kanak dan oleh itu kes ini didengar dalam Mahkamah Kanak-Kanak. Ini adalah selaras dengan
E peruntukan sub-s 11(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang menyebut:

> s 11 Penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak
>
> (1) Mahkamah yang ditubuhkan mengikut Akta ini dan bersidang bagi maksud ...
>
> (a) mendengar, memutuskan atau membereskan apa-apa pertuduhan
F terhadap seseorang kanak-kanak; atau
>
> (b) menjalankan apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan atau yang akan diberikan kepada Mahkamah bagi Kanak-Kanak oleh atau di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain,
>
> G hendaklah dikenali sebagai 'Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

**[67]** Selanjutnya, s 91(1) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan:

> s 91 Kuasa Mahkamah bagi Kanak-Kanak apabila kesalahan dibuktikan
>
> H (1) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dibuktikan Mahkamah itu hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang boleh dijalankan menurut kuasa Akta ini, mempunyai kuasa untuk ...
>
> (a) memberikan amaran kepada dan melepaskan kanak-kanak itu;
>
> (b) melepaskan kanak-kanak itu apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk
I berkelakuan baik dan untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
>
> (c) memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai ...
>
> (i) selama apa-apa tempoh yang hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah; dan

(ii) dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah; A

(d) memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos;

(da) membuat perintah khidmat masyarakat;

(e) membuat suatu perintah percubaan di bawah seksyen 98;

(f) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney; B

(g) [Dipotong oleh Akta A1511/2016]

(h) mengenakan ke atas kanak-kanak itu, jika dia berumur empat belas tahun ke atas kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan dan tertakluk kepada subseksyen 96(2), apa-apa tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Seksyen. C

**[68]** Berdasarkan hukuman yang dijatuhkan kepada responden pertama, Tuan Majistret yang bijaksana telah mengguna pakai perenggan 91(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 apabila Tuan Majistret yang bijaksana telah menghukum responden pertama dengan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000 dengan seorang penjamin. D

**[69]** Selanjutnya, Tuan Majistret yang bijaksana telah memerintahkan responden pertama ditemani oleh ibubapa untuk melapor diri di Jabatan Kebajikan Masyarakat sebulan sekali bagi menghadiri Bengkel Interaktif anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat selaras dengan perenggan 93(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001. E F

**[70]** Dalam kes *Teo Siew Peng & 4 Ors v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 125; [1984] 1 LNS 71, Tan Chiaw Thong H, telah menyatakan:

> In the case of young offender there can be hardly even be any conflict between the public interest and that of the offender. *The public have no greater interest that he should become a good citizen*. The difficult task of the court is to determine what treatment given the best chance of realizing that object. (Penekanan ditambah.) G

**[71]** Berdasarkan peruntukan sub-s 91(1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan kes *Teo Siew Peng*, mahkamah ini berpandangan bahawa Tuan Majistret yang bijaksana berhasrat memastikan kepentingan awam adalah terpelihara. Kepentingan awam akan tercapai sekiranya responden pertama dapat menjadi seorang warganegara yang baik dan berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Dengan cara itu, kepentingan awam dapat dipelihara. H I

**[72]** Sehubungan itu, mahkamah ini berpandangan bahawa hukuman yang dikenakan oleh Tuan Majistret yang bijaksana akan dapat mencapai objektif untuk menjadikan responden pertama seorang yang baik dan berguna. Ini adalah penting bagi maksud kepentingan awam.

**[73]** Responden kedua dalam kes ini merupakan seorang pesalah muda. Oleh itu, beliau telah dibicarakan di Mahkamah Majistret. Bagi responden kedua, Tuan Majistret yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman bon kelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000 di bawah s 294 Kanun Tatacara Jenayah.

**[74]** Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

s 294 First offenders

(1) When any person has been convicted of any offence before any Court if it appears to the Court that regard being had to the character, antecedents, age, health or mental condition of the offender or to the trivial nature of the offence or to any extenuating circumstances under which the offence was committed it is expedient that the offender be released on probation of good conduct, the Court may, instead of sentencing him at once to any punishment, direct that he be released on his entering into a bond with or without sureties and during such period as the Court may direct to appear and receive judgment if and when called upon and in the meantime to keep the peace and be of good behaviour.

(2) The Court may, if it thinks fit, direct that the offender shall pay the costs of the prosecution or some portion of the same within that period and by such instalments as may be directed by the Court.

Section 432 shall be applicable to any direction made under this subsection.

(3) If a Court having power to deal with the offender in respect of his original offence, or any Court of summary jurisdiction, is satisfied by information on oath that the offender has failed to observe any of the conditions of his bond, it may issue a warrant for his apprehension.

(4) Any offender when apprehended on any such warrant shall, if not immediately brought before the Court having power to sentence him, be brought before a Magistrate, and the Magistrate may either remand him by warrant until the time at which he is required by his bond to appear for judgment or until the sitting of a Court having power to deal with his original offence, or may admit him to bail with a sufficient surety conditioned on his appearing for judgment.

(5) The offender, when so remanded, may be committed to prison and the warrant of remand shall order that he be brought before the Court before which he was bound to appear for judgment or to answer as to his conduct since his release.

(6) This section shall not apply —

(a) if the offender is charged with a serious offence; or

(b) if the offender is charged with the commission of an act of domestic violence as defined under section 2 of the Domestic Violence Act 1994.

**[75]** Berlandaskan s 294 tersebut, Tuan Majistret yang bijaksana telah mengenakan hukuman bon kelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM1,000.

**[76]** Namun, dalam menggunakan s 294 untuk mengenakan hukuman kepada responden kedua, Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan penghakiman beliau tidak menyatakan sama ada beliau berpandangan bahawa responden kedua perlu diberi peluang agar menjadi orang yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Tuan Majistret yang bijaksana juga tidak menyatakan dalam alasan penghakiman beliau sama ada Sekolah Henry Gurney adalah terlalu berat untuk responden kedua.

**[77]** Alasan penghakiman Tuan Majistret menyebut berhubung tingkah laku responden kedua dalam mahkamah yang menunjukkan rasa bersalah dan menyesal. Tuan Majistret yang bijaksana tidak mempertimbangkan prinsip hukuman seperti kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman terhadap responden kedua.

**[78]** Dalam mengenakan hukuman, Tuan Majistret yang bijaksana telah mempertimbangkan kenyataan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, rayuan pihak responden-responden, pandangan penasihat-penasihat dan hujahan timbalan pendakwa raya serta laporan sosial.

**[79]** Mahkamah ini berpandangan dalam menjatuhkan hukuman, kepentingan awam serta kepentingan kedua-dua responden perlu diimbangi. Tuan Majistret yang bijaksana telah menimbang bahawa responden-responden adalah dari keluarga yang susah, tidak mempunyai pendidikan dan perlu pemantauan. Walau bagaimanapun, Tuan Majistret yang bijaksana gagal mempertimbangkan kepentingan awam secara khusus memandangkan jenayah yang dilakukan adalah serius kerana mencederakan orang lain dengan parang. Oleh yang demikian, kepentingan awam dan kepentingan responden-responden perlu diimbangi.

**[80]** Kepentingan awam adalah elemen yang perlu dipertimbang semasa hukuman. Mahkamah ini ingin merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 yang menyatakan:

> One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *R v Ball* [1951] 35 Cr App Rep 164 as follows:
>
> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. *A proper sentence, passed in public serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn*

*from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.*

**[81]** Berlandaskan pernyataan dalam kes *Loo Choon Fatt* tersebut, kepentingan awam akan dapat dijaga sekiranya hukuman dapat menghindar orang lain dari melakukan kesalahan yang sama. Kepentingan awam juga akan dijaga sekiranya pesalah berubah dan menjalankan kehidupan yang jujur.

**[82]** Dalam kes ini, mahkamah berpandangan bahawa bon kelakuan baik selama tiga tahun tidak akan menghindar orang lain dari melakukan kesalahan yang sama. Bagi memastikan kedua-dua responden tidak lagi melakukan jenayah dan telah berubah, hukuman yang menimbang latar belakang mereka perlu diambil kira.

**[83]** Adakah dengan bon kelakuan baik, responden-responden akan dapat mengatasi kemelut kemiskinan dan kekurangan pendidikan yang sedang dihadapi? Tuan Majistret yang bijaksana menyatakan bahawa responden-responden memerlukan pemantauan. Adakah dengan bon kelakuan baik sahaja mereka akan dipantau?

**[84]** Namun, adakah pemenjaraan hukuman yang sesuai bagi seorang kanak-kanak dan pesalah muda. Dalam kes *Nor Afizal bin Azizan v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 171; [2012] 6 CLJ 370; [2012] 5 MLRA 20, Mahkamah Rayuan telah menyatakan:

> The next question is must all these teenagers who commit similar offence as the appellant be punished with imprisonment?
>
> It is a well accepted principle of sentencing that young offenders, wherever possible and depending on the nature of the offences committed, should be kept out of prison, especially when there are other adequate means of dealing with them. Bellamy J in *Tukiran bin Talib v Public Prosecutor* [1955] 1 MLJ 24; [1955] 1 MLRH 480, held that:
>
> it is desrible that young offenders, that is, offenders between the ages of 17 and 21, who are also first offenders should be kept out of prison, if possible.

**[85]** Kes *Nor Afizal Azizan* berpandangan seorang kanak-kanak atau pesalah muda tidak seharusnya dipenjarakan. Ini akan menyebabkan pesalah yang berumur antara 17 dan 21 tahun menjadi penjenayah (*harden criminal*).

KEPUTUSAN

**[86]** Berdasarkan dapatan mahkamah ini serta otoriti yang dirujuk, mahkamah ini berpandangan bahawa kepentingan awam perlu dititikberatkan. Dalam kes ini mahkamah ini berpendapat kepentingan awam dapat dicapai sekiranya responden-responden diberi peluang untuk menjadi orang yang baik dan berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

**[87]** Sehubungan itu, bagi responden pertama mahkamah ini menolak rayuan pihak perayu dan hukuman oleh Tuan Majistret yang bijaksana dikekalkan.

**[88]** Bagi responden kedua, mahkamah ini membenarkan rayuan perayu. Hukuman oleh Tuan Majistret yang bijaksana dikekalkan dan mahkamah ingin menambah syarat seperti berikut:

> Lapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali sehingga tamat tempoh bon kelakuan baik.

*Sebahagian rayuan perayu dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar